

HISABLAH DIRI SEBELUM DIHISAB ALLAH PADA HARI KIAMAT

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌّ وَلَهْوٌ وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا يُؤْتِكُمْ أَجُورَكُمْ وَلَا يَسْأَلْكُمْ أَمْوَالَكُمْ ﴿٣٦﴾

(Surah Muhammad, ayat 36)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Terlebih dahulu saya ingin mengingatkan diri saya sendiri dan sekaligus berpesan kepada para jemaah sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa.

Kehidupan kita di dunia ini ibarat rumah kata pergi, kubur kata mari! Hakikat ini sewajarnya mendorong kita semua untuk berusaha lebih kuat dan bersungguh-sungguh meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya kehidupan hari akhirat itu lebih baik bagi orang yang beriman dan bertaqwa sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلَا جَزَاءَ لَآخِرَةٍ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿٥٧﴾

Yang bermaksud: “Dan sesungguhnya pahala hari akhirat lebih baik bagi orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa.” (S. Yusuf: 57).

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Di awal tahun baru 2016 ini, gementar hati mengimbas kembali catatan kealpaan diri dalam menunaikan perintah agama di tahun-tahun yang telah berlalu pergi. Ini disebabkan oleh kesibukan melaksanakan pelbagai urusan dunia di samping berhadapan dengan berbagai ujian serta cabaran hidup sama ada yang berat mahupun yang ringan. Dan ada kalanya ujian serta cabaran hidup yang dialami dan ditempuhi itu menyebabkan berubahnya hati dan turun naiknya iman, pasang surutnya amalan dan bertambah atau berkurangnya dosa dan pahala.

Menyedari akan keadaan tersebut, amatlah wajar bagi kita melakukan perhitungan atau muhasabah diri. Ia penting kerana sukar bagi kita menghilangkan keaiban atau kekurangan pada diri kita jika tidak nampak keaiban yang ada. Demikian juga kita tidak akan dapat memperbaiki diri kita jika gagal mengesan kekurangan-kekurangan pada diri sendiri.

Maka, adalah penting bagi kita melakukan muhasabah diri dengan mengkaji dan menilai semula apa yang berlaku dan yang telah kita lakukan sama ada memenuhi tuntutan-tuntutan yang ditentukan Allah SWT atau sebaliknya. Meneliti segala yang berlaku sama ada kerana takdir Tuhan atau lebih merupakan padah atau akibat-akibat dari apa yang telah kita lakukan sendiri. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti keaiban dan kekurangan diri, seterusnya berusaha memperbaiki atau mengatasinya.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Sebagai orang Islam, sewajarnya kita mencari kelemahan dan menangi kerugian yang ditanggung. Kita hendaklah merumuskan makna kejayaan dan peningkatan pencapaian sebenar dalam kehidupan berpandukan ajaran agama.

Dengan kata lain, jika kita mendapati ada keaiban pada diri kita, maka hendaklah kita membencinya dan berusaha sedaya upaya menanganinya. Untuk ini, kita hendaklah berfikir dan mengkaji serta menilai mengapa perkara tersebut berlaku ke atas diri kita. Selanjutnya, mengenal pasti jalan penyelesaian yang terbaik bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang kembali.

Pada masa sama, kita hendaklah melihat ke dalam diri sendiri mengenai perkara yang perlu dikerjakan dan ditinggalkan. Seterusnya, berusaha mengawal diri daripada hasutan syaitan yang sentiasa mengajak kepada melakukan kemungkaran dan dosa. Langkah ini sejajar dengan anjuran Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَدْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hakamnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.”* (S. Al-Baqarah: 208).

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya melawan godaan syaitan dan hawa nafsu menjadi keutamaan dalam kerangka bermuhasabah diri dan beriltizam untuk menjadikan amal perbuatan kita hari ini dan hari-hari seterusnya lebih baik dari semalam. Ini kerana, syaitan dan hawa nafsu adalah musuh manusia yang paling licik berada di sekeliling kita. Ia tidak memilih sama ada orang itu alim atau jahil, ahli ibadat atau ahli maksiat, mukmin atau kafir.

Rasulullah SAW bersabda: *“Sesungguhnya syaitan itu mengalir di dalam tubuh anak Adam laksana mengalirnya darah dan sesungguhnya aku bimbang dia akan menimbulkan di dalam hati kamu sesuatu yang jahat.”* (HR Bukhari dan Muslim).

Oleh hal yang demikian, syaitan tetap syaitan, dan ia pasti akan berusaha menjerumuskan anak-anak Adam ke lembah kemaksiatan dan dosa tanpa mengenal erti putus asa. Ini adalah janji syaitan dan konco-konconya untuk terus menyesatkan dan menggelincirkan manusia dari jalan Allah SWT dari dulu dan selamanya hingga ke hari kiamat.

Inilah sebabnya maka perjuangan melawan syaitan dan hawa nafsu tiada noktahnya. Hikmahnya adalah untuk memastikan diri kita mempunyai kekuatan untuk terus mengabdikan diri kepada Allah SWT dan sentiasa berada di jalan yang diredai-Nya.

Justeru, walau dalam keadaan apa sekalipun, kita tidak boleh sama sekali bersekongkol atau berhubungan dengan syaitan, apatah lagi mengikuti jejak langkahnya. Ini kerana, syaitan tidak pernah lalai mengajak manusia melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Kenyataan ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦١﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu, nescaya tiada seorangpun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (S. An-Nur: 21).

SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Ketahuiilah bahawa sesungguhnya seksaan melawan syaitan dan hawa nafsu akan sedikit demi sedikit berubah menjadi nikmat jiwa yang paling bernilai yang tidak pernah dirasai orang fasik lagi lalai. Nikmatnya seakan-akan di dalam syurga walaupun mereka masih berada di dunia lagi.

Diriwayatkan bahawa Ibnu Taimiyah pernah berkata: "Sesungguhnya di dunia ini ada syurga, sesiapa yang belum masuk ke dalamnya dia tidak boleh masuk syurga akhirat.

Murid-muridnya bertanya: "Apakah syurga dunia itu?"

Beliau berkata: "Syurga mengenal Allah, mencintai-Nya, merindu dan berlemah-lembut kepada-Nya."

Dengan hal yang demikian, dalam menjalani kehidupan yang masih berbaki di dunia ini, kita harus bijak memanfaatkan setiap kesempatan yang ada untuk menempah hidup yang barakah lagi diredai Allah SWT. Dalam hubungan ini, disajikan beberapa panduan untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat seperti mana berikut:

Pertama, kunci terkabulnya cita-cita dan harapan adalah mengerjakan solat dan berdoa.

Kedua, kunci mendapat perhatian Allah SWT adalah zikir dan tafakur.

Ketiga, kunci menambah kenikmatan dan rezeki adalah berusaha dan bersyukur.

Keempat, kunci untuk masuk syurga adalah Tauhid (tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun).

Kelima, kunci keberhasilan atau kejayaan adalah amanah dan kesungguhan.

Keenam, kunci untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat adalah taqwa.

Ketujuh, kunci untuk memperoleh banyak ilmu pengetahuan adalah bertanya, mendengar, dan membaca.

Kelapan, kunci keselamatan diri adalah menjaga lisan (ucapan) dan perbuatan.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Saidina Umar al-Khatib RA berkata: "Hisablah diri kalian sebelum kalian dihisab, kerana sesungguhnya hisab pada hari kiamat adalah ringan bagi orang yang menghisab dirinya di dunia."

Sehubungan itu, kita hendaklah bersegera kembali kepada Allah SWT dengan sentiasa mengabdikan diri kepada-Nya menunaikan segala perkara yang diperintahkan dan menjauhi segala perkara yang dilarangan-Nya. Langkah ini merupakan satu upaya memperbaiki diri, menyusun balik cara hidup dan mempertaut kembali hubungan dengan Allah SWT dalam bentuk yang lebih murni. Ia menjadi satu kewajipan kepada kita semua tanpa bertangguh kerana peluang yang ada pada hari ini belum pasti hadir pada hari-hari mendatang.

Ini bermakna, saat bermuhasabah bukanlah terbatas hanya pada hujung tahun atau awal tahun sahaja. Rasulullah SAW mengajar umatnya supaya sentiasa mengakui kelemahan serta kekurangan diri selain berazam untuk berusaha memperbetul dan memperbaikinya. Ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah suka kepada hamba-hamba-Nya yang tekun memperbaiki amalannya.*” (HR Al-Baihaqi).

Sebagai kesimpulannya, jangan sesekali menganggap diri sudah sempurna dan berjaya sebelum benar kepastiannya mengenai pintu syurga atau neraka yang akan dimasuki. Sebaiknya kita semua terus bertekad dan berazam untuk memperbanyakkan amal soleh dalam apa jua keadaan dan suasana bagi memperteguhkan keimanan kepada Allah SWT sekali gus mencapai darjat takwa yang sebenar-benarnya di sisi Allah SWT. Sesungguhnya taqwa adalah penghapus segala kesusahan dan pembuka pintu rezeki sejajar firman Allah SWT:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢١٩﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ...

Yang bermaksud: “...Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya...” (S. At-Talaaq: 2-3).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah